



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 8 OKTOBER 2025

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	NILAI EKSPORT DURIAN KE CHINA RM6.37 BILION SEJAK 2018, NEGARA, KOSMO, M/S – 8	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	NELAYAN, PEMILIK BOT KINI NIKMATI BUDI95, NEGARA, KOSMO, M/S – 8	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
3.	BUDI95 NOW COVERS FISHERMEN, BOAT OWNERS AND NEW DRIVERS, NATION, THE STAR, M/S – 5	
4.	PERLUAS MANFAAT BUDI95 KEPADA 31K PENERIMA BAHARU, LOKAL, HARIAN METRO, M/S – 17	
5.	BANJIR: PESAWAH HARAP BANTUAN, PAMPASAN DISEGERA, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 12	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
6.	AGROBANK HARAP SJPP DIPERLUASKAN, BISNES, HARIAN METRO, M/S – 22	AGROBANK
7.	MUSHROOM FARMING KEY TO BOOSTING FOOD SECURITY, SAYS ASSEMBLYMAN, EVENTS, THE STAR, M/S – 7	LAIN-LAIN
8.	KAJI HARGA SILING BERAS TEMPATAN DENGAN PERTINGKAT BANTUAN SARA, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 5	
9.	PESAWAH HARAP HARGA PADI DAN HARGA BERAS DISEMAK SEMULA, NASIONAL, BERITA HARIAN, M/S – 18	
10.	SEMAKAN SEMULA SUPAYA LEBIH SEIMBANG KOS SEMASA, NASIONAL, BERITA HARIAN, M/S – 18	
11.	HARGA BERAS PUTIH TEMPATAN WAJAR DINILAI SEMULA, NASIONAL, SINAR HARIAN, M/S – 5	
12.	THE PADI FARMERS' DILEMMA, NEW STRAITS TIMES, M/S – 9	
13.	'RICE PRICES OUT OF TOUCH WITH REALITY', NEW STRAITS TIMES, M/S – 9	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/10/2025	KOSMO	NEGARA	8



MALAYSIA mengeksport 115,359 tan metrik durian dalam pelbagai bentuk termasuk sejuk beku ke China.

Nilai eksport durian ke China RM6.37 bilion sejak 2018

KUALA LUMPUR – Malaysia mengeksport sebanyak 115,359 tan metrik durian bernilai RM6.37 bilion ke pasaran China dalam pelbagai bentuk termasuk sejuk beku, segar serta pulpa dan pes sejak 2018 hingga tahun ini.

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) memaklumkan, eksport durian tempatan ke China terus menunjukkan trend positif sejak pintu pasaran negara itu dibuka kepada produk berkenaan.

Katanya, pada 2018, Malaysia merekodkan eksport durian pulpa dan pes sebanyak 3,555 tan metrik dengan nilai RM202 juta.

Menurutnya, pada Jun 2019, Malaysia mula mengeksport durian sejuk beku biji ke China melibatkan 3,177 tan metrik bernilai RM143 juta, manakala eksport pulpa dan pes meningkat kepada 5,239 tan metrik bernilai RM168 juta.

"Pada 2020, eksport durian sejuk beku biji meningkat kepada 6,225 tan metrik (RM286 juta), manakala eksport pulpa

dan pes menurun kepada 3,456 tan metrik dengan nilai RM171 juta.

"Pada 2021, eksport durian sejuk beku biji ke China meningkat dua kali ganda kepada 12,153 tan metrik (RM577 juta), manakala 'pulp and paste' meningkat kepada 5,895 tan metrik (RM368 juta)," katanya dalam jawapan bertulis menjawab soalan daripada Sim Tze Tzin **(PH-Bayan Baru)** berkenaan jumlah tan metrik dan nilai dagangan pengeksportan durian sejuk beku, durian segar dan durian 'pulp and paste' ke pasaran China dari 2018.

Dalam pada itu, KPKM berkata pihaknya melalui Jabatan Pertanian terus komited untuk meneroka peluang serta memperluaskan pasaran baharu durian Malaysia ke negara-negara lain seperti Taiwan dan Peru.

"Nilai eksport durian dari Malaysia dijangka mencecah RM1.8 bilion pada 2030 melibatkan kuantiti eksport sebanyak 69,000 tan metrik," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/10/2025	KOSMO	NEGARA	8

Nelayan, pemilik bot kini nikmati Budi95

- Lebih 30,000 lagi rakyat dapat petrol harga RM1.99 seliter
- Kerajaan komited kekalkan manfaat subsidi bersasar

Oleh RIDZAUDDIN ROSLAN

PUTRAJAYA – Lebih 31,000 rakyat lagi menerima manfaat sistem subsidi bersasar Budi Madani RON95 (Budi95), selepas kerajaan meluaskan kelayakan kepada tiga kelompok baharu.

Kelompok baharu itu melibatkan lebih 17,900 nelayan berdaftar dengan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) selain lebih 4,300 pemilik bot persendi-

rian berdaftar dengan Jabatan Pelabuhan dan Dermaga Sabah.

Kementerian Kewangan (MOF) memaklumkan, ini termasuk lebih 9,700 pemegang lesen memandu baharu direkodkan Jabatan Pengangkutan Jalan.

“MoF telah mengaktifkan kelayakan kepada individu-individu terbabit, menjadikan mereka sebahagian daripada lebih 16 juta rakyat yang kini memanfaatkan harga subsidi RON95 pada kadar RM1.99 seliter.

“MoF kini sedang memuktamadkan data tambahan melibatkan pengguna bot yang tidak mempunyai lesen memandu di negeri-negeri lain di seluruh negara, khususnya Sabah dan Sarawak,” katanya semalam.

Pada masa sama, MOF berka-

ta, perbincangan antara Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) dan syarikat pengendali e-hailing (EHO) sedang diselenggarakan bagi pelaksanaan penambahbaikan siling kelayakan melebihi 300 liter sebulan.

Katanya, manfaat itu diberikan kepada pemandu e-hailing sepenuh masa, bagi memastikan kelangsungan pekerjaan mereka tidak terjejas.

“Kerajaan kekal komited memastikan program subsidi bersasar ini berjalan dengan lancar, telus dan memberi manfaat secara langsung kepada rakyat.

“MoF bersama agensi berkaitan akan terus memantau pelaksanaan Budi95 dan melaksanakan penambahbaikan dari semasa ke semasa,” katanya.



LEBIH 9,700 pemegang lesen memandu baharu direkodkan dapat menikmati subsidi RON95 pada kadar RM1.99 seliter. – GAMBAR HIASAN

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/10/2025	THE STAR	NATION	5

Budi95 now covers fishermen, boat owners and new drivers

PUTRAJAYA: Eligibility under the Budi Madani RON95 (Budi95) targeted subsidy scheme has been expanded to cover three new groups, benefitting more than 31,000 Malaysians nationwide.

The Finance Ministry said the expansion covered over 17,900 fishermen registered with the Malaysian Fisheries Development Authority (LKIM), over 4,300 private boat owners registered with the Sabah Ports and Harbours Department, and over 9,700 new driving licence holders recorded by the Road Transport Department (JPJ).

“With this expansion, they are now among over 16 million Malaysians enjoying the subsidised RON95 fuel price of RM1.99 per litre, compared with RM2.60 per litre without subsidy,” the ministry said yesterday, Bernama reported.

The government is finalising additional data involving unlicensed boat users in

other states, mainly in Sabah and Sarawak, it added.

The ministry also said discussions between the Land Public Transport Agency and e-hailing operators are being coordinated to implement an increase in the monthly fuel eligibility ceiling of over 300 litres for full-time e-hailing drivers.

The measure is to ensure that the livelihoods of full-time e-hailing drivers are not affected by the implementation of the targeted subsidy scheme.

“The government remains committed to ensuring that this targeted subsidy programme is implemented efficiently and transparently and continues to deliver direct benefits to the people,” it said.

The public may refer to the FAQ section on the official Budi Madani portal or call 1-300-88-9595/WhatsApp +603-2631 4595 for details.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/10/2025	HARIAN METRO	LOKAL	17

Perluas manfaat BUDI95 kepada 31k penerima baharu

Kuala Lumpur: Kerajaan memperluas kelayakan sistem subsidi bersasar BUDI MADANI RON95 (BUDI95) kepada tiga kelompok lagi membabitkan lebih 31,000 rakyat termasuk nelayan, pemilik bot persendirian dan pemegang lesen memandu baharu.

Kementerian Kewangan (MOF) dalam kenyataan berkata, inisiatif itu menjadikan mereka sebahagian daripada lebih 16 juta rakyat yang kini memanfaatkan harga subsidi RON95 pada kadar RM1.99 seliter berbanding RM2.60 seliter tanpa subsidi.

“Kelompok baharu yang menerima manfaat ini terdiri daripada lebih 17,900 nelayan berdaftar dengan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).

“Selain itu, lebih 4,300 pemilik bot persendirian berdaftar dengan Jabatan Pelabuhan dan Dermaga Sabah, serta lebih 9,700 pe-

megang lesen memandu baharu yang direkodkan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ),” katanya, semalam.

MOF turut memaklumkan sedang memuktamadkan data tambahan membabitkan pengguna bot yang tidak mempunyai lesen memandu di negeri-negeri lain di seluruh negara, khususnya Sabah dan Sarawak.

Ini adalah langkah proaktif bagi memastikan tiada golongan yang tercicir daripada manfaat subsidi.

Pada masa yang sama, MOF berkata, perbincangan antara Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) dan syarikat pengendali e-hailing (EHO) sedang diselaraskan bagi pelaksanaan penambahan siling kelayakan melebihi 300 liter sebulan kepada pemandu e-hailing sepenuh masa agar kelangsungan pekerjaan mereka tidak terjejas.

“Kerajaan MADANI kekal komited memastikan program subsidi bersasar ini berjalan dengan lancar, terus dan memberi manfaat secara langsung kepada rakyat.

“MOF bersama agensi berkaitan akan terus memantau pelaksanaan BUDI95 dan melaksanakan penambahbaikan dari semasa ke semasa,” katanya.

“Kelompok baharu yang menerima manfaat ini terdiri daripada lebih 17,900 nelayan berdaftar dengan LKIM”

Kementerian Kewangan

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/10/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	12



BAHAROM Hanafi (kiri) dan pesawah melihat sawah padi yang tenggelam sepenuhnya akibat banjir sejak Jumaat lalu di Kampung Alor Pak Ngah, Titi Haji Idris di Alor Setar.

Banjir: Pesawah harap bantuan, pampasan disegera

ALORSETAR: Petani di bawah Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) yang terjejas banjir merayu kerajaan menyalurkan bantuan tunai kepada mereka dengan segera sebagai suntikan modal bagi pusingan tanaman padi seterusnya.

Ketua Unit A MADA D3 Titi Haji Idris, Baharom Hanafi, 62, berkata, tanaman yang rosak akibat banjir pada kali ini menyaksikan ramai pesawah kehilangan pendapatan akibat hasil padi yang langsung tidak sempat dituai.

Katanya, hasil yang diperoleh oleh pesawah biasanya akan digunakan untuk membeli benih dan membayar upah jentera bagi tanaman musim seterusnya namun selepas tanaman padi rosak, mereka tidak mempunyai modal.

“Daripada keseluruhan 2.8

hektar tanaman padi diusahakan saya di Kampung Alor Pak Ngah ini, kira-kira 1.12 hektar daripadanya rosak akibat banjir walaupun padi sebenarnya sudah boleh dituai.

“Sekiranya setiap hektar sawah saya mampu mengeluarkan hasil sekurang-kurangnya lima tan padi, saya sudah kerugian pendapatan kasar kira-kira RM7,500. Mujur, ada sawah saya yang sempat dituai tetapi ada rakan-rakan yang langsung tidak merasa apa-apa,” katanya ditemui *Utusan Malaysia* di sini, semalam.

Kelmarin, *Utusan Malaysia* melaporkan kira-kira 624 hektar tanaman padi di Wilayah III Pendang dalam kawasan MADA tenggelam akibat banjir yang mencatatkan kerugian kira-kira RM4.6 juta

Pengerusi MADA, Datuk Dr. Ismail Salleh berkata, kawasan itu hampir setiap tahun dilanda banjir disebabkan pertembungan Sungai Padang Kerbau yang menerima bebanan hujan dari Kubur Panjang, Nawa dan Sungai Langgar, untuk mengalir ke Sungai Kedah.

Sementara itu, pesawah di Kampung Alor Cina, Zulkifli Ismail, 61, berkata, pesawah yang berhadapan kerosakan tanaman padi secara keseluruhan agak sukar untuk memulakan musim baharu tanpa bantuan sewajarnya.

“Kalau ancaman seperti padi angin atau keladi agas, kami masih mendapat hasil cuma ia berkurang, tetapi dalam bencana ini yang mana pokok padi tenggelam sepenuhnya memang tak ada apa-apa hasil,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/10/2025	HARIAN METRO	BISNES	22

Agrobank harap SJPP diperluaskan

Kuala Lumpur: Agrobank berharap Skim Jaminan Pembiayaan Perniagaan (SJPP) dapat terus ditambah baik dalam Belanjawan 2026 berikutan pencapaian positifnya terhadap ekonomi, khususnya dalam memperkasa perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) dalam sektor agromakanan.

Ketua Pegawai Eksekutif Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin dalam temu bual bersama Bernama berkata, juga optimis terhadap peningkatan potensi sektor pengeluaran, penternakan, perikanan dan pembuatan dalam pertanian serta jaminan makanan.

"Kami ada beberapa segmen yang akan dititikberatkan (susulan Belanjawan 2026) terutamanya (bagi membantu) usahawan muda yang

mempunyai kurang pengalaman dalam mengendalikan perniagaan.

"Agrobank juga bersedia melatih mereka supaya lebih maju dan berkembang, seterusnya beralih kepada perniagaan yang lebih besar. Kami menyasarkan wanita, B40 serta yang sudah menamatkan pengajian," katanya.

Dalam Belanjawan 2025, kerajaan meneruskan pelaksanaan SJPP dengan jaminan sehingga RM20 bilion bagi memperkukuh akses pembiayaan kepada usahawan yang berdepan kekangan cagaran.

Sektor pertanian juga dianggap sebagai antara yang berisiko tinggi kerana kegiatan ini tertakluk kepada banyak faktor luaran seperti seperti keadaan cuaca tidak menentu, geoekonomi, geopolitik dan sebagainya.

Mushroom farming key to boosting food security, says assemblyman

By ANDY CHUA

andychua@thestar.com.my

MUSHROOM cultivation is gaining traction not only due to it being relatively easy to manage, but it also meets growing demand for food.

Recognising its potential, Datuk Seri Wong Soon Koh urged rural communities to view mushroom farming as an opportunity to boost household income and strengthen local economies.

The Bawang Assan assemblyman described mushrooms as a "high-value crop" that was increasingly popular among health-conscious consumers.

"It should not be seen as just a hobby.

"Mushroom farming is a form of modern agriculture that produces nutritious food while serving as an economic catalyst for families and communities," he said when opening the "Mushroom Cultivation Learning" workshop.



Wong (front row, sixth from left) with participants of the workshop.

Organised by the Bawang Assan Progressive Democratic Party (PDP) and Engkilo Sungai Bidut Residents Association, it

drew about 200 participants. Wong, who is also PDP senior vice-president, said such programmes equipped

participants with practical techniques and confidence to scale up their ventures. He noted that mushroom cul-

tivation required low investment but offered quick returns, making it ideal for rural areas.

Wong advised them to start small, with one mushroom house, highlighting that what mattered was determination and the willingness to learn.

He said each participant at the workshop received five complimentary mushroom starter packs.

This field has huge potential, he said, whether for household use or commercial production, it can generate profit and contribute to food security.

"The knowledge gained from this workshop will provide participants with a foundation to begin their own projects," he added.

Kaji harga siling beras tempatan dengan pertingkat bantuan SARA

Oleh ASLINDA NASIR

aslinda.nasir@mediamula.com.my

KUALA LUMPUR: Kerajaan disaran mengkaji semula dasar harga beras putih tempatan yang masih kekal pada paras RM2.60 sekilogram sejak tahun 2008, kerana ia dilihat menjejaskan daya saing pesawah tempatan serta berisiko melemahkan industri padi negara.

Pengerusi Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (Pesawah), Abdul Rashid Yob berkata, harga siling RM2.60 sekilogram yang ditetapkan sejak 17 tahun lalu tidak pernah disemak, sekali gus kerajaan perlu melihat kewajaran untuk mengkaji semula selaras dengan kos sara hidup pada masa kini.

Katanya, sebagai keputusan 'menang-menang' kepada semua pihak, kerajaan dicadang meningkatkan bantuan SARA kepada rakyat Malaysia supaya ia boleh digunakan kepada pembelian beras tempatan.

"Kami faham kalau kerajaan mahu menaikkan harga beras, ia akan menjadi masalah kerana bimbang rakyat marah memandangkan pilihan raya negeri (PRN) semakin hampir. Jadi, ini antara perkara yang mungkin kerajaan risaukan."

"Oleh itu, saya rasa perkara pertama yang kerajaan boleh lakukan adalah bantuan SARA dinaikkan daripada RM100 kepada RM150. Saya ambil kira begini, beras sekilogram boleh dimakan oleh kira-kira 10 orang manakala 10 kilogram beras mencukupi untuk seisi keluarga."

"Kalau sebuah keluarga besar sekalipun, mereka hanya



HARGA siling beras putih tempatan RM2.60 sekilogram yang ditetapkan sejak 17 tahun lalu tidak pernah disemak.



ABDUL RASHID YOB

memerlukan sekitar 10 hingga 20 kilogram beras sebulan, dan itu sudah mencukupi. Jadi di sini, kami minta kerajaan menambah jumlah bantuan SARA," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Pada ketika ini, kerajaan memberi bantuan SARA kepada mereka yang layak sebanyak RM100 sebulan bagi memberi barangan keperluan terpilih.

Dengan langkah ini, jelas Abdul Rashid lagi, kerajaan telah membuat keputusan yang seimbang kepada semua pihak kerana dilihat nasib rakyat tetap terbelah manakala keperluan pesawah dalam industri padi dan beras tidak terabai.

Mengulas lanjut, beliau turut mencadangkan kerajaan mengupayakan harga beras putih tempatan antara RM3.20 hingga RM3.80 sekilogram, sambil menyesuaikan harga lantai padi kepada RM1,800 satu metrik tan.

"Dengan cara ini, pesawah mendapat harga yang adil, pengilang dan pemborong masih memperoleh margin munasabah, manakala rakyat tidak akan rasa terbeban kerana telah dibantu melalui SARA. Ia situasi menang-menang," katanya.

Abdul Rashid juga menegaskan kualiti beras bersubsidi yang dijual pada harga RM26 untuk 10 kilogram sering menjadi rungutan pengguna kerana mutu yang rendah, cepat rosak serta kandungan hancur yang tinggi.

"Kalau kerajaan terus kekalkan imej sebagai negara dengan harga beras paling murah di Asia, akhirnya yang terkorban adalah pesawah. Thailand sudah

“Kami faham kalau kerajaan mahu menaikkan harga beras, ia akan menjadi masalah kerana bimbang rakyat marah memandangkan pilihan raya negeri (PRN) semakin hampir. Jadi, ini antara perkara yang mungkin kerajaan risaukan.**”**

ABDUL RASHID YOB

menguatkan harga beras mereka, jadi Malaysia juga perlu berani mempertahankan harga yang lebih realistik," katanya.

Cadangan itu, menurut mereka, bukan sahaja mengelakkan manipulasi seperti repacking dan pencampuran beras import dengan beras tempatan, malah boleh mengharmonikan semula industri padi dan beras.

"Kami mahu kerajaan melihat perkara ini secara serius, kerana jika keuntungan terus merosot, anak muda tidak lagi berminat menjadi pesawah. Akhirnya, pengeluaran padi tempatan akan merosot dan negara terpaksa bergantung kepada import," katanya.

PERTUBUHAN Persaudaraan Pesawah Malaysia (Pesawah) berpendapat, jika kerajaan terus kekalkan imej sebagai negara dengan harga beras paling murah di Asia, akhirnya yang terkorban adalah pesawah.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/10/2025	BERITA HARIAN	NASIONAL	18

Pesawah harap harga padi dan harga beras disemak semula

Pengusaha tuntutan iltizam kerajaan bagi tampung kos pengeluaran meningkat

Oleh Noorazura Abdul Rahman
bhnews@bh.com.my

Alor Setar: Berdepan tekanan kos sara hidup dan peningkatan harga input pertanian, pesawah di Kedah tetap teguh mengerah tenaga di sawah, dengan berbekalkan keyakinan kerajaan tidak pernah meminggirkan mereka.

Bagi golongan ini, sawah bukan sekadar sumber reze-ki, tetapi nadi kehidupan yang menuntut ketabahan dan keber- gantungan kepada dasar kerajaan bagi menjamin kelangsungan sektor padi negara.

Mereka berharap, iltizam ser- ta pengorbanan yang tidak per- nah pudar itu disambut dengan langkah konkrit kerajaan, ter- masuk semakan semula harga beras putih tempatan (BPT) yang tak pernah diubah sejak 2008.

Ini bagi memastikan penda- patan pesawah kekal mampan di tengah peningkatan kos pe- ngeluaran dan ketidaktentuan cuaca.

Pesawah dari Pokok Sena, Muhammad Farid Shafie, 39, berkata kenaikan mendadak



Pesawah melakukan proses menuai dengan menggunakan mesin padi di Kampung Padang Pekan, Jitra. (Foto Wan Nabil Nash, BH)

harga baja dan racun menam- bah tekanan kepada pesawah kecil yang bergantung kepada hasil sawah sebagai sumber uta- ma pendapatan keluarga.

Katanya, harga baja kini mencecah RM45 satu beg ber- banding RM30 sebelum ini, se- dangkan satu hektar sawah me- merlukan kira-kira 10 beg baja bagi setiap musim penanaman.

Beliau berkata, apabila di- campur dengan kos lain seperti membajak sekitar RM520 sehek- tar, racun mencecah RM1,000 sehektar serta upah menuai, jumlah keseluruhan boleh me- lebihi RM5,000 bagi setiap hektar sawah.

Katanya, jika hasil hanya sek- tar lima tan sehektar, keuntung- an diperoleh belum tentu me- cukupi selepas ditolak potongan kilang dan perbelanjaan lain.

"Kalau ikut harga sekarang, memang banyak beza. Dulu baja RM30, sekarang dah dekat RM45 satu beg. Satu hektar perlukan lebih kurang 10 beg baja, jadi kos baja sahaja dah cecah RM450 se- hektar.

"Kalau hasil dapat lima tan sehektar pun, belum tentu ada untung banyak. Lepas tolak po- tongan kilang lebih 20 peratus dan semua kos, tinggal cukup- cukup sahaja untuk tampung keluarga," katanya ketika dihu- bungi di sini.

Muhammad Farid berkata, walaupun berdepan pelbagai cabaran, pesawah tetap berse- mangat untuk terus mengusa- hakan sawah kerana percaya kerajaan sedang berusaha mem- bantu sektor pertanian melalui pelbagai skim sokongan.

"Kami bukan merungut,

cuma harap selain menyemak harga BPT, kerajaan boleh per- timbangkan juga semakan semu- la harga lantai kepada RM1,800 setan berbanding RM1,500 setan sekarang supaya seimbang de- ngan kos semasa.

"Apabila hasil cukup, se- mangat nak turun sawah pun tinggi, sekarang ini," katanya yang mengusahakan 40 hektar sawah secara sewa.

Kos pengeluaran meningkat

Bagi pesawah dari Yan, Roslan Ahmad, 52, peningkatan kos pengeluaran bukan sahaja mem- babitkan baja dan racun, tetapi juga tenaga buruh serta sewaan jentera yang semakin mahal aki- bat kenaikan harga minyak.

Katanya, dahulu upah jente- ra RM120 sehektar, namun kini meningkat kepada RM180 selain

kos racun rumpai yang naik hampir dua kali ganda.

"Ramai pesawah kini terpak- sa meminjam daripada tauke kilang atau tauke padi untuk menampung kos awal sebelum musim tanam bermula.

"Kalau cuaca tak menentu atau serangan penyakit berla- ku, rugi besar. Sebab itu ramai berharap kerajaan dapat bantu ringankan beban dengan kae- dah subsidi terus kepada pesa- wah," katanya.

Roslan turut mencadangkan, supaya agensi pelaksana mem- percepatkan proses pemberian subsidi input pertanian agar pesawah tidak perlu menunggu terlalu lama untuk memulakan kerja di sawah.

Pesawah wanita dari Pen- dang, Noraini Mat, 44, pula ber- kata walaupun cabaran semakin besar, beliau menganggap berta- ni sebagai amanah untuk men- jamin bekalan makanan negara kekal stabil.

"Kami tetap teruskan sebab ini sumber reze-ki turun-temu- run. Tapi apabila harga barang semua naik, kadang-kadang me- mang rasa sempit.

"Apabila kerajaan naikan se- dikit harga padi nanti, insya-Al- lah kami akan lebih semangat," katanya.

Noraini mengakui, pelbagai inisiatif kerajaan seperti Skim Insurans Padi dan bantuan in- put memberi kelegaan kepada pesawah, namun berharap sis- tem itu boleh disemak semula agar manfaatnya lebih menye- luruh.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/10/2025	BERITA HARIAN	NASIONAL	18

Semakan semula supaya lebih seimbang kos semasa

Alor Setar: Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (PeSAWAH) menyambut baik komitmen kerajaan memperkuatkan sektor padi dan beras negara, namun berpandangan, sudah tiba masa harga lantai padi dan beras putih tempatan (BPT) disemak semula supaya lebih seimbang dengan kos semasa.

Pengerusinya, Abdul Rashid Yob, berkata walaupun pelbagai inisiatif dilaksanakan bagi membantu pesawah dan pengilang, industri padi dan beras tempatan kini memerlukan pendekatan baharu supaya kekal berdaya saing dan stabil.

Katanya, harga BPT yang kekal RM2.60 sekilogram sejak hampir dua dekad tidak lagi sesuai dengan keadaan semasa di peringkat ladang.

"Dulu harga padi RM1,200 setan, jadi beras RM2.60 masih

seimbang. Sekarang padi dah RM1,500 satu tan, baja dan benih naik, tapi harga beras tak bergerak langsung.

"Kami hargai usaha kerajaan, tapi dalam masa sama perlu ada semakan harga padi dan beras supaya semua pihak dalam rantaian industri dapat manfaat," katanya.

Abdul Rashid berkata, ketidakseimbangan itu menyebabkan sesetengah kilang dan pengilang menghadapi tekanan operasi sehingga terpaksa mengecilkan kapasiti atau menukar fokus kepada pengeluaran beras import yang tidak dikawal harga.

"Kita faham kerajaan mahu jaga kepentingan pengguna, tapi kalau pesawah terhimpit, pengeluaran beras tempatan bo-



Abdul Rashid Yob

leh menurun.

"Apabila itu berlaku, akhirnya kita bergantung semula pada import," katanya.

Beliau menegaskan, isu padi dan beras bukan soal keuntungan semata-mata, tetapi menyentuh soal keselamatan makanan negara.

"Kalau kita mahu kekal sebagai negara pengeluar beras, pesawah mesti dijaga.

"Jika mereka tinggalkan sawah sebab tak mampu, tanah jadi terbiar dan akhirnya negara juga yang rugi," katanya.

Katanya, PeSAWAH mencadangkan supaya sistem subsidi input disemak semula agar lebih terus kepada pesawah tanpa terlalu banyak lapisan pentadbiran.

"Sekarang ini ada peruntu-

kan besar, tapi hanya sebahagian kecil sampai terus kepada pesawah.

"Kalau sistem lebih tepat dan cepat, hasil pun lebih baik," katanya.

Beliau turut menggesa kerajaan menilai semula cadangan menghidupkan kembali Lembaga Padi Negara (LPN) yang pernah menjadi tunjang kepada pengurusan industri padi secara menyeluruh pada masa lalu.

"Zaman LPN dulu, banyak kilang Bumiputera dapat bertahan dan harga stabil. Selepas diswastakan, banyak perkara jadi terlalu komersial dan menekan pesawah kecil," katanya.

Abdul Rashid berkata, PeSAWAH percaya kerajaan kini berada di landasan betul dalam usaha menambah baik dasar padi dan beras negara, termasuk melalui program BUDI MADANI serta inisiatif penstabilan

harga yang sedang dirangka.

"Kami percaya ada kesungguhan kerajaan untuk bantu, cuma perlu keseimbangan.

"Kalau harga padi naik sedikit dan subsidi diagih secara tepat, semua pihak akan mendapat manfaat," katanya.

Beliau turut mencadangkan, penetapan harga beras putih tempatan dikaji semula, misalnya kepada RM3 sekilogram dengan kawalan subsidi khas bagi pengguna B40 agar tidak terbeban.

"Biar pengguna yang benar-benar layak dibantu, tapi pesawah pun dapat harga adil. Itu cara terbaik capai keseimbangan.

"Kami akan terus berusaha. Sawah ini bukan sekadar sumber rezeki, tapi warisan keluarga. Kalau ada sedikit perubahan dasar dan bantuan tepat, saya yakin masa depan pesawah masih cerah," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/10/2025	SINAR HARIAN	NASIONAL	5

#

RISING COSTS, STAGNANT RETURNS

The padi farmers' dilemma

They want the government to review rice prices to reflect increasing costs

AHMAD MUKHSEIN MUKHTAR
ALOR STAR
mukhsein.mukhtar@nst.com.my

STANDING next to his waterlogged padi plot, Jamil Abdullah is reminded of the risks of farming. The recent floods in Kedah submerged some of his fields, but what troubles him more is the rising cost of survival.

The 40-year-old farmer from Gulau, Pokok Sena, has spent a solid portion of his life planting padi to help feed the nation. Yet the irony, he said, was that those who grow Malaysia's staple grain are struggling to feed themselves.

He pointed to one main reason: the retail price of local white rice that has been capped at RM2.60 per kg for 17 years. Tied to this is a low padi floor price that has failed to keep pace with soaring costs.

"Every season feels like gambling. Pesticides, fertilisers, seeds, fuel — they all cost more. Add unpredictable weather and floods, and we're forced to shoulder losses on top of losses.

"The current price is 'no longer relevant. It has become a burden," he said, surveying his flood-hit plot.

Jamil's frustration is shared across Kedah, where farmers feel trapped in a cycle of rising costs and risks, but stagnant returns.

The government increasing the padi floor price to RM1,500 per

tonne in February, offered a ray of hope, but farmers stress it must go hand-in-hand with a long-overdue review of rice prices.

For decades, Malaysia's rice growers have been constrained by policy. The artificially low ceiling on local white rice may have been designed to protect consumers, but it has come at the expense of those who cultivate it.

Jamil believes a fairer pricing mechanism is vital, not just to safeguard livelihoods, but to ensure the nation's food security.

"If the price stays as it is, in 10 to 15 years we may lose farmers altogether. Costs are too high, and many will abandon the fields.

"We don't want to be rich, we just want farming to remain viable," said Jamil, who cultivates 40ha of land.

Muhammad Farid Shafie, 39, another farmer from Pokok Sena, said the sharp rise in fertiliser and pesticide costs is hitting smallholders hard.

Fertiliser now costs RM45 a bag compared with RM30 previously, with one hectare requiring about 10 bags each season.

"Just for fertiliser, it's already RM450 per hectare. Add ploughing at RM520, pesticides at RM1,000, plus harvesting fees, the total can exceed RM5,000 per hectare. If yields average only five tonnes, the profits are uncertain once mill cuts and other expenses are deducted."



Padi farmer Jamil Abdullah showing his farm in Gulau, Pokok Sena. NSTP PIC BY AHMAD MUKHSEIN MUKHTAR

Despite the challenges, Farid remained committed to farming, saying government support schemes are a lifeline.

"We are not complaining, but we hope the floor price can be revised to RM1,800 per tonne. That would better reflect current costs.

"When returns are fair, farmers are motivated to keep working the fields," said Farid, who leases the 40ha that he cultivates.

Veteran farmer Roslan Ahmad, 52, from Yan, said the cost of fertilisers, pesticides, labour and machinery have surged in tandem with fuel prices.

"Machinery services used to cost RM120 per hectare, now it's RM180. Herbicide costs have nearly doubled. Many farmers are forced to borrow from millers or middlemen to cover upfront costs.

"If bad weather or disease

strikes, the losses are devastating."

Roslan urged for subsidies to be delivered more efficiently, to reduce dependency on middlemen.

"Timely support is critical. Farmers are ready to work, but they should not be left waiting too long for assistance to reach them," he said, adding that reviewing both padi sales and local white rice prices is the most urgent step.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/10/2025	NEW STRAITS TIMES	-	9

'Rice prices out of touch with reality'

ALOR STAR: The Malaysian Padi Farmers Brotherhood Organisation (Pesawah) has urged the government to review the long-stagnant price of local white rice.

While welcoming Putrajaya's renewed commitment to strengthen Malaysia's padi sector, its chairman, Abdul Rashid Yob, said the floor price for padi and the ceiling retail price for rice — untouched for 17 years — are now dangerously out of step with economic reality.

"Previously, when padi was RM1,200 per tonne, RM2.60 for rice still made sense. Today, padi has reached RM1,500 per tonne, while fertiliser and seed costs have risen sharply, yet the rice price has not moved at all.

"We appreciate the government's efforts, but at the same time, there must be a price review so that every level of the industry benefits."

Rashid said the imbalance has forced some mills and processors to cut operations or shift towards imported rice, which is not subject

to price controls.

"We understand the need to protect consumers, but if farmers are squeezed, local rice output will decline. When that happens, the country ends up depending more on imports," he warned.


He stressed that rice is not merely a commodity, but a matter of national food security.

"If we want to remain a rice-producing nation, farmers must be protected. If they abandon their fields because they cannot cope, the land will be left idle and ultimately the nation loses."

Rashid also proposed that the current input subsidy system be streamlined to ensure direct delivery to farmers without excessive administrative layers.

"Substantial allocations exist, but only a small portion reaches farmers directly. If the system is more accurate and faster, yields will also improve."

He also urged the government to consider reviving the National Padi



A padi field in Jitra being harvested last month. Malaysian Padi Farmers Brotherhood Organisation chairman Abdul Rashid Yob says the floor price for padi and the ceiling price for rice are out of step with economic reality. NSTP PIC BY WAN NABIL NASIR

Board (LPN), which once played a central role in managing the padi sector holistically.

"During the LPN era, many Bumiputera-owned mills could survive and prices were stable. After privatisation, too many aspects became commercialised, putting small farmers under pressure."

Rashid said Pesawah believes the government is on the right track with new policies, including the Bu-

di Madani programme and price stabilisation measures now being developed.

"We believe the government is sincere in wanting to help, but there must be balance. If the floor price for padi is adjusted and subsidies distributed more effectively, all stakeholders will benefit."

Pesawah has proposed reviewing the controlled price of local white rice, for example by raising it to

RM3 per kg, while granting targeted subsidies to B40 households.

"Let assistance go to those truly in need, but at the same time farmers must receive a fair price.

"That is the best way to achieve balance.

"For us, rice fields are more than just income, they are our heritage. With the right policy adjustments, we are confident farmers still have a bright future."